



Untuk Terbitan Media

3 Mei 2024

## **SIARAN MEDIA**

### **PERKESO LAKSANA *ROADSHOW* BERI TAKLIMAT PENGECUALIAN CUKAI UNTUK CARUMAN SKSSR**

**KUALA LUMPUR:** Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menasarkankan lebih banyak penyertaan caruman Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) akan diperoleh melalui sumbangan daripada majikan sektor swasta.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Sosial Suri Rumah PERKESO, Kasthuri Patto mengumumkan bahawa pertubuhan itu akan melaksanakan jerayawara atau *roadshow* bersama para majikan di seluruh negara dengan objektif utama untuk memberi penerangan kepada para majikan di sektor swasta, badan berkanun, Government Linked Companies (GLCs), Badan Bukan Kerajaan (NGOs) atau mana-mana institusi berkaitan kaedah dan prosedur penajaan SKSSR kepada pekerja wanita dan isteri pekerja atau mana-mana wanita yang termasuk dalam kategori B40 atau M40 (berdasarkan pendapatan per kapita),

“Pelaksanaan ini adalah hasil pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) PERKESO bersama Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKNM) pada 14 Mac lalu berkenaan pengecualian cukai pendapatan mengikut peruntukan seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

“Langkah ini diambil untuk memberi sokongan kewangan kepada pekerja wanita dari golongan berpendapatan rendah.

“Tujuh sesi *roadshow* bersama majikan telah dirancang untuk dilaksanakan bermula bulan Mei hingga Julai 2024 di Wisma PERKESO, Kuala Lumpur yang melibatkan majikan dari pelbagai sektor seperti perbankan, peruncitan, perkilangan, automotif, komunikasi, perhotelan, dan lain-lain berdasarkan tarikh berikut:

- 6 Mei 2024 (Isnin)
- 7 Mei 2024 (Selasa)
- 13 Mei 2024 (Isnin)
- 2 Julai 2024 (Selasa)
- 12 Julai 2024 (Jumaat)
- 18 Julai 2024 (Khamis)
- 23 Julai 2024 (Selasa)

“Sesi *roadshow* ini juga akan diperluaskan kepada Pejabat-Pejabat PERKESO di seluruh negeri di Malaysia, bagi memastikan kesedaran dan pemahaman yang menyeluruh terhadap inisiatif ini,” jelas beliau.

Kasthuri juga menzahirkan keyakinan bahawa kolaborasi ini akan meningkatkan keterjaminan perlindungan sosial yang lebih komprehensif bagi pekerja wanita dan isteri pekerja sebagai salah satu sumbangan murni syarikat-syarikat untuk kebajikan pekerja dan keluarga mereka.

“Berdasarkan perangkaan PERKESO sehingga 2 Mei 2024, 10 buah syarikat telah mengambil bahagian dalam inisiatif pengecualian cukai bagi caruman SKSSR kepada pekerja wanita dan isteri pekerja bagi wanita dalam kalangan B40 dan M40.

“Manakala sejak 1 Disember 2022 hingga 21 April 2024 seramai 253,794 individu wanita telah mendaftar dan mencarum SKSSR dengan jumlah pembayaran faedah kepada pencarum SKSSR sehingga 15 April 2024 lalu berjumlah RM1,596,324.66,” ujar beliau dalam sidang media yang dijalankan di Menara PERKESO hari ini.

**Tamat**

**###**

## **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*no one left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**3 Mei 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila**

**hubungi: Mohd Wazid Zaidon**

**+6017-619 3181**

**[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)**